

*Tarikh Dibaca: 05 OGOS 2022M / 07 Muharram 1444H*



# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“TERBUKA MENERIMA NASIHAT”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "TERBUKA MENERIMA NASIHAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ  
صَلِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ <sup>١</sup> ٣٣  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ <sup>٢</sup> ١٠٢

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Khatib menyeru kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan dan kesungguhan untuk melaksanakan segala perintah Allah, serta menjauhi semua tegahan-Nya. Semoga dengan itu, kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang benar-benar beriman dan bertakwa.

<sup>1</sup> Fussilat : 33

<sup>2</sup> ali-Imran : 102



## Muslimin yang dikasihi oleh Allah SWT,

Menyampaikan nasihat, pesanan dan teguran adalah satu tuntutan Islam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Tamim al-Dari Radiallahu'anhu menyatakan bahawa Rasulullah SAW menegaskan bahawa "agama itu nasihat". Kita beruntung kerana tanggungjawab agama ini telah digalas sebaik mungkin oleh para muslih yang terdiri daripada kalangan Anbia' dan Mursalin. Mereka memberi komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memandu umat berpaksikan kepada syariat Allah SWT. Nabi Nuh AS menegaskan kepada kaumnya seperti dalam Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 62:

أَبْلَغُكُمْ رِسْلَتِ رَبِّيْ وَأَنْصَحُ لَكُمْ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا  
تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

*"(Tugasku) menyampaikan kepada kamu perintah-perintah yang (diutuskan oleh) Tuhanku, serta aku memberi nasihat kepada kamu, sedang aku mengetahui (melalui wahyu) dari Allah akan apa yang kamu tidak mengetahuinya."*

Manakala Nabi Hud pula menyatakan kepada kaum Aad dalam surah al-A'raf ayat 68:

أَبْلَغُكُمْ رِسْلَتِ رَبِّيْ وَأَنَا لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ ﴿٦٨﴾

*"(Tugasku) menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanku dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah, bagi kamu."*



Petikan-petikan ayat tersebut menjelaskan hakikat bahawa nasihat adalah perkara yang merangkumi dua pendekatan dakwah yang saling bergandingan iaitu seruan melaksanakan kemakrufan serta suruhan meninggalkan kemungkarana. Generasi terbaik Islam yang terdiri dalam kalangan para sahabat Radiallahu'anhum meletakkan kewajipan memberi nasihat sebagai tanggungjawab terpenting selepas solat dan zakat.

### **Hadirin sekalian,**

Dalam konteks Islam, nasihat adalah salah satu pendekatan dakwah yang ditegakkan untuk menjamin kualiti masyarakat yang sejahtera. Bermula dari pemimpin kepada rakyatnya, ketua keluarga kepada kaum kerabatnya, guru kepada anak didiknya, majikan kepada para pekerjanya, termasuklah khatib kepada para jamaahnya, di mana tanggungjawab memberi nasihat itu perlu dilaksana demi memakmur dan mengangkat martabat manusia.

Kegemilangan Islam di zaman Rasulullah SAW berlaku sehingga muncul suatu paradigma masyarakat baharu yang disebut “khaira ummah” kerana kejayaan umat menjunjung tanggungjawab “agama itu nasihat” dengan berkesan. Generasi sahabat tidak hanya muncul sebagai penyampai risalah yang jujur tetapi juga pengikut ajaran yang taat. Mereka teguh dan patuh setiap pengajaran dan nasihat Rasulullah SAW.

Justeru, sebagai seorang muslim yang mendambakan fasa kegemilangan Islam menyerlah kembali mestilah meneladani sikap para sahabat Rasulullah SAW. Apabila kita menerima sebarang saranan atau nasihat yang baik, respon sewajarnya ialah dihargai, dihayati, diambil berat dan disambut dengan jiwa yang terbuka. Pesanan Imam al-Ghazali melalui di dalam kitabnya “Ayyuhal Walad” :



# النَّصِيْحَةُ سَهْلٌ، وَالْمُشْكِلُ قَبُولُهَا، لَا نَرَى فِي مَذَاقِ مُتَّبِعِي الْهَوَى مُرْ

"Nasihat itu mudah, yang sukar adalah menerimanya kerana bagi yang mengikuti hawa nafsu, maka nasihat terasa pahit".

Sifat manusia yang suka merendah-rendahkan nilai nasihat berpunca dari sikap sompong dan angkuh. Akibatnya, nasihat walaupun berdiri di atas asas kebenaran, ukhuwah dan mahabbah, ia tidak dapat dilihat dari sudut yang positif kerana munculnya anggapan bahawa budaya berpesan-pesan dan tegur-menegur itu hanya mahu menunjukkan kelemahan atau menjatuhkan air muka seseorang.

Lebih malang lagi jika kesombongan itu dihamburkan dengan kata-kata seperti, "kubur masing-masing", "jangan sibuk hal orang lain", "cermin diri dulu sebelum beri nasihat" dan seumpamanya. Tabiat mencipta persepsi buruk terhadap orang yang memberi nasihat ini tidak layak kita contohi.

Allah SWT menempelak sikap mempertikai nasihat yang baik sebagai perbuatan yang keji sepertimana diperingatkan dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhumaa bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَبْغَضَ النَّاسَ إِلَيَّ اللَّهِ: أَنْ يَقُولَ الرَّجُلُ لِلرَّجُلِ: إِتْقِ  
اللَّهَ، فَيَقُولُ: عَلَيْكَ بِنَفْسِكَ!



"Sesungguhnya perkataan yang paling dibenci di sisi Allah ialah apabila seseorang menasihati saudaranya: "Bertakwalah kepada Allah". Lalu perkataan itu dibalas: "Jagalah tepi kain sendiri!".

(Riwayat al-Baihaqi).

### Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Sampaikanlah teguran dan nasihat secara berhikmah, moga-moga komuniti masyarakat kita terus teguh dan istiqamah di dalam landasan syariat. Ambillah nilai pengajaran daripada nasihat yang disampaikan, sekalipun latar belakang pendidikan atau jawatannya lebih rendah daripada orang yang mendengarnya. Tiada istilah sempurna dalam diri manusia kerana ketidaksempurnaan itu maka kita dijadikan oleh Allah agar sentiasa ingat-mengingati.

Tegurlah dengan niat yang ikhlas untuk memperbetulkan kesilapan atau sekurang-kurangnya mengelakkan kesilapan yang sama berulang kali. Usah kita hanya memilih individu-individu tertentu sahaja untuk menasihati diri kita kerana itulah seburuk-buruk alasan yang pernah disuarakan kaum kafir Quraish kepada Rasulullah SAW. Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah, surah al-Furqan ayat 7:

وَقَالُوا مَا لِهٗذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الظَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ  
لَوْلَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ فَيَكُونَ مَعَهُ وَنَذِيرًا

"Dan mereka pula berkata: Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia biasa yang lain)? Sepatutnya diturunkan malaikat kepadanya, supaya malaikat itu turut memberi



*peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi yang membenarkannya)”.*

Sesungguhnya nasihat menjadi amanah yang berat bagi para pendakwah, kerana ia bukan sekadar syiar agama yang wajib ditaati bahkan yang paling utama ialah mengamalkan apa yang disampaikan. Beruntunglah mereka yang sedia mendengar nasihat sebagai wahana pemangkin diri ke arah yang lebih baik. Boleh jadi satu teguran yang diterima itu, bakal mengubah kehidupan kita di kemudian hari.

### **Muslimin sekalian,**

Mengakhiri khutbah ini, khatib menyeru sidang Jumaat sekalian untuk bersama-sama menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan.

1. Umat Islam hendaklah berlapang dada menerima teguran dan membuat kebaikan diri supaya mendatangkan kebaikan dan sebaliknya bersikap tertutup dan taksub akan menyebabkan seseorang itu berterusan dalam kekurangan dan kelemahan.
2. Tanggungjawab menyampaikan nasihat tentang sesuatu galakan atau larangan adalah tugas mulia warisan para Nabi dan Rasul.
3. Umat Islam perlu menghidupkan budaya tegur-menegur dan nasihat-menasihati dalam rangka membina masyarakat “khaira ummah”.
4. Masyarakat Islam perlu menjadi pendengar yang baik serta bersikap terbuka menerima teguran dan nasihat.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَبَعُونَ أَحْسَنَهُ وَأُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمْ  
الَّلَّهُ وَأُولَئِكَ هُمُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ١٨

"Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna."

(al-Zumar : 18).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي  
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ فَقْدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَائِتِكَ الرِّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلِ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor



(TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَادَ وَالْمَحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.